

HAK-HAK ANTARABANGSA ORANG-ORANG ASAL



Perkembangan, Kemajuan & Kemerosotan

Yogeswaran Subramaniam

Diterjemah oleh
Puteri Rajalinawati

HAK-HAK ANTARABANGSA ORANG-ORANG ASAL

Perkembangan, Kemajuan & Kemerosotan

Yogeswaran Subramaniam


Diterjemah oleh
Puteri Rajalinawati

2007
CENTER FOR ORANG ASLI CONCERNS
PARTNERS OF COMMUNITY ORGANIZATIONS TRUST
SUBANG JAYA • MALAYSIA

HAK-HAK ANTARABANGSA ORANG-ORANG ASAL
Perkembangan, Kemajuan & Kemerosotan



Diterbit oleh
CENTER FOR ORANG ASLI CONCERNS
(PUSAT PRIHATINAN ORANG ASLI)
P.O. Box 3052
47590 Subang Jaya, Malaysia
Emel: coac@streamyx.com
Laman web: www.coac.org.my



PARTNERS OF COMMUNITY ORGANIZATIONS TRUST
(PACOS)
P.O. Box 511
89057 Penampang, Sabah, Malaysia
Emel: pacos@tm.net.my
Laman web: www.sabah.net.my/pacos

Hak Milik Terpelihara 2007
Yogeswaran Subramaniam

Dicetak oleh
Vinlin Press Sdn. Bhd.
Kuala Lumpur, Malaysia

Perekabentuk kulit
Wendy Tan

Perekabentuk/Tataatur
Colin/COAC

Fotografi
Colin Nicholas

ISBN 978-983-43248-3-4

SENARAI KANDUNGAN

1.	Pengenalan	1
2.	Penyediaan Latar	3
3.	Evolusi Hak-hak Antarabangsa Orang-orang Asal	7
	Eksplorasi Eropah dan Pandangan Ahli Alamiah	7
	Kebangkitan Positivisme dan Kemerosotan	
	Hak-hak Orang Asal	11
4.	Penglibatan Awal Organisasi Antarabangsa	14
	Pertubuhan Buruh Antarabangsa	14
	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan	
	Instrumen Hak Asasi Awal Antarabangsa	17
5.	Kemunculan Hak-hak Antarabangsa Orang-orang Asal	22
	Pertubuhan Buruh Antarabangsa	22
	Tindak balas langsung PBB	24
	Tindak balas lain	27
6.	Adakah Pengiktirafan Semata-mata Memadai?	30
7.	Kesimpulan	33
8.	Nota Penamat	35
9.	Rujukan	45

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Profesor Dr Ramy Bulan dari Fakulti Undang Undang, Universiti Malaya, bagi maklumbalas beliau untuk draf pertama manuskrip yang merupakan satu kertas kerja yang dibentangkan untuk mendapatkan Sarjana Undang-undang. Terima kasih yang tak terhingga kepada beliau yang telah mencetuskan minat saya terhadap hal ehwal orang-orang asal minoriti.

Bantuan daripada Profesor Madya Puan Siti Zaharah Jamaluddin daripada Fakulti Undang-undang, University Malaya and sahabat saya, Puteri Razalinawati dalam menterjemahkan buku kecil ini adalah amat dihargai.

Tiada kata yang boleh menjelaskan betapa saya terhutang budi kepada isteri tersayang, Fong Mei, yang bukan sahaja telah memberi sokongan padu kepada saya bahkan juga menggalakkan usaha saya ini, serta telah membaca prof draf pertama.

Saya juga ingin memberi penghargaan kepada Center for Orang Orang Asli Concerns (COAC) yang telah memperhargai nilai manuskrip ini. Juga kepada Partners of Community Organisations Trust (PACOS) kerana telah membenarkan dana penerbitan mereka digunakan untuk membiayai percetakan buku kecil ini.

Akhir sekali, segala pendapat yang dinyatakan di sini adalah pendapat peribadi saya dan saya bertanggungjawab keatasnya.

Yogeswaran Subramaniam
Ogos 2007

Penghargaan juga diberi kepada Kerajaan Denmark kerana membiayai buku kecil ini melalui sokongannya kepada PACOS Trust menerusi pejabat International Work Group on Indigenous Affairs (IWGIA) di Copenhagen.

DAFTAR KATA YANG DIGUNAKAN

CBD	Konvensyen Kepelbagaian Biologi
CERD	Jawatankuasa Penghapusan Diskriminasi Kaum
Cadangan Pengisytiharan OAS	Cadangan Pengisytiharan Amerika mengenai Hak Orang-orang Asal
ECOSOC	Majlis Ekonomi dan Sosial PBB
ICCPR	Waad Antarabangsa mengenai Hak-hak Sivil dan Politik
ICEFRD	Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Kaum
ICESCR	Waad Antarabangsa mengenai Hak-hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan
IACHR	Mahkamah Hak Asasi Inter-Amerika
<i>Ibid</i>	<i>Ibidem</i> - Di rujukan yang sama
<i>Id</i>	<i>Idem</i> - Sama
<i>Infra</i>	Di bawah
Konvesyen 107	PBA Konvesyen mengenai Perlindungan dan Integrasi Orang orang Asal dengan puak puak lain dan Suku Bangsa di dalam Negeri-negeri Bebas
Konvesyen 169 PBA	Konvesyen mengenai Orang orang Asal dan Suku Bangsa di dalam Negeri negeri Bebas
<i>loc.cit</i>	<i>Loco citato</i> - Seperti yang dirujuk di helaian yang sama

<i>op.cit</i>	<i>Opere citato</i> - Seperti yang dirujuk
PBA	Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO)
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN)
PFII	Forum Tetap mengenai Isu Orang-orang Asal
Piagam PBB	Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
Pengisytiharan	Pengisytiharan PBB mengenai Hak Orang-orang asal
Pengisytiharan Rio	Persidangan PBB mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan menerima pakai satu pengisytiharan mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan
Pernyataan Prinsip	Satu pernyataan prinsip mengenai mengenai Hutan perhutanan yang boleh dikekalkan
Suruhanjaya Kecil	Suruhanjaya Kecil Pencegahan Diskriminasi dan Perlindungan Minoriti
<i>Supra</i>	Di atas
<i>terra nullius</i>	Tanah kosong
UDHR	Pengisytiharan Hak Asasi
UNESCO	Organisasi Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
WGIP	Kumpulan Kerja PBB bagi Populasi Orang-orang Asal untuk memperkatakan secara langsung masalah Orang-orang Asal ini



Berkurun dijajah, kekurangan bantuan di peringkat antarabangsa, polisi dan undang-undang negeri yang menindas telah menyebabkan orang-orang asal dalam keadaan kekalahan, di mana mereka dinafikan persekitaran tradisional dan dilucutkan hak politik, ekonomi, kebudayaan dan agama mereka.¹

Akhir kurun kesembilan belas memperlihatkan kemuncak penjajahan dan masa di mana masyarakat peneroka seperti Amerika Syarikat telah memperluaskan pegangan mereka ke wilayah yang boleh dikuasai mereka, yang merugikan orang-orang asal. Perluasan yang melampau ini telah menyumbang kepada revolusi perindustrian dan pertumbuhan ekonomi kepada banyak masyarakat pada masa itu namun rancangan besar ini telah mengetepikan orang-orang asal menjadikan mereka menuju kepupusan.²

Penganiayaan, perhambaan, pembunuhan diri, hukuman kerana penentangan, pemakanan yang tidak seimbang dan jangkitan penyakit yang dibawa oleh orang-orang Eropah telah memberikan kesan yang amat besar kepada orang-orang asal ini.³

Pada ketika ini, pilihan terbaik bagi orang-orang asal untuk terus wujud adalah dengan menerima asimilasi ke dalam masyarakat yang dominan, dan kehilangan budaya mereka. Ianya dicapai melalui polisi negeri (yang digubal oleh masyarakat yang dominan) yang menggunakan kekerasan⁴ atau menandatangani triti yang dengan mudah boleh ditafsirkan sebagai tipu muslihat.⁵

Meskipun dengan sejarah yang bergelora ini, mestilah dinyatakan bahawa terdapat perkembangan yang bermakna di peringkat antarabangsa yang mengiktiraf keperluan untuk melindungi orang-orang asal ini dan hak mereka, terutamanya dalam tempoh 25 tahun yang lalu. Mempunyai hak di forum antarabangsa bermakna orang-orang asal boleh secara rasmi meminta bantuan di peringkat antarabangsa dalam melindungi hak asasi mereka sebagai satu masyarakat yang tersendiri.

Akibatnya, kewujudan orang-orang asal ini banyak bergantung kepada pengiktirafan dan penguatkuasaan antarabangsa yang efektif terhadap hak-hak ini kerana orang-orang asal di dunia ini kekurangan kuasa politik dan ekonomi. Perkembangan baru ini melayakkan satu penilaian dibuat untuk melihat setakat manakah undang-undang antarabangsa ini telah menyumbang kepada kewujudan orang-orang asal.

Penerbitan ini akan mula melihat secara ringkas beberapa prinsip asas undang-undang antarabangsa dan siapakah orang-orang asal sebelum menggariskan hak asasi orang-orang asal yang menjadi perbincangan bagi penerbitan ini. Penerbitan ini kemudiannya dengan ringkas lagi padat akan melihat pandangan barat terhadap hak orang-orang asal, kemerosotan haknya semasa kurun ke 19 dan pertaliannya dengan perkembangan undang-undang antarabangsa yang sepadan, diikuti oleh abad ke 20 di mana asimilasi orang-orang asal ke dalam masyarakat yang dominan merupakan satu polisi antarabangsa yang boleh diterima.

Akhir sekali, kemunculan hak orang-orang asal dalam undang-undang antarabangsa dari tahun 1970an dan kemampuan undang-undang antarabangsa sezaman menjamin kewujudan orang-orang asal akan dikaji.

Untuk menilai sumbangan undang-undang antarabangsa terhadap kewujudan orang-orang asal, perkembangan undang-undang antarabangsa ini akan dibandingkan dengan hak asasi orang-orang asal sebagaimana yang dirumuskan dalam tajuk selepas ini.

Penyediaan Latar

2



Sebelum mengkaji sumbangan undang-undang antarabangsa terhadap kewujudan orang-orang asal ini secara kritikal, amatlah berguna untuk menggariskan skop perbincangan dengan mendefinisikan undang-undang antarabangsa dan prinsip asasnya dalam konteks penerbitan ini, menyediakan definisi yang boleh diguna pakai bagi orang-orang asal dan merumuskan standard minimum bagi hak orang-orang asal dalam undang-undang antarabangsa. Terma-terma ini masih lagi diperdebatkan tetapi bagi tujuan penerbitan ini, definisi yang dipilih memberikan maksud yang sesuai untuk perbincangan.

Undang-undang antarabangsa atau undang-undang negara-negara merupakan satu sistem undang-undang yang mentadbir perhubungan negara-negara yang berdaulat dan hak serta tanggungjawab mereka terhadap satu sama lain.¹ Konsep persetujuan kerap digunakan dalam undang-undang antarabangsa sezaman: tanggungjawab yang berbangkit daripada perjanjian dan peraturan adat yang bergantung kepada persetujuan; bidang kuasa tribunal antarabangsa juga memerlukan persetujuan; keanggotaan dalam organisasi antarabangsa tidaklah wajib; kuasa badan antarabangsa untuk membuat dan menguatkuasakan keputusan juga bergantung kepada persetujuan semua negara anggota.² Selanjutnya, terdapat dua lagi doktrin undang-undang antarabangsa lain yang timbul di sepanjang perbincangan dalam penerbitan ini iaitu doktrin kedaulatan (di mana negara negara-negara melaksanakan kuasa politik teragung di dalam wilayah mereka, berkenaan dengan warganegara mereka) dan integriti wilayah (pemeliharaan integriti wilayah sesebuah negara berbangkit daripada perhubungannya dengan negara-negara lain serta gerakan kumpulan orang yang dikenal pasti untuk kemerdekaan kebangsaan).³

Terminologi yang digunakan untuk menggambarkan orang-orang asal di masa lalu termasuklah “orang asli”, “penduduk asal”, “orang Indian”, “kelompok minoriti” dan “Dunia Keempat”.⁴ Penerbitan ini akan menggunakan ungkapan “orang-orang asal” melainkan konteksnya memerlukan sebaliknya. Dalam memberikan definisi kepada orang-orang asal, sememangnya terdapat perbahasan di kalangan semua pihak.⁵ Adalah diujahkan bahawa pendekatan yang dibuat oleh Mantan Pengerusi-Pelapor bagi Kumpulan Kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Orang-orang asal, Erica-Irene Daes boleh diterima pakai. Beliau berpendapat konsep “orang-orang asal” tidak boleh memberikan maksud yang tepat, atau maksud yang terpakai dalam semua keadaan di semua kawasan di dunia.⁶ Beliau sebaliknya menawarkan satu senarai faktor yang dianggapnya sebagai relevan untuk memahami maksud ungkapan “orang-orang asal”:

- (a) keutamaan dari segi masa, berkenaan dengan penempatan dan penggunaan wilayah tertentu;
- (b) dengan sukarela mengabadikan perbezaan budaya, yang boleh merangkumi bahasa, organisasi sosial, agama dan nilai kerohanian, cara pengeluaran, undang-undang dan institusi;
- (c) pengenalan diri, serta pengiktirafan oleh kumpulan lain, atau oleh pihak berkuasa negeri, sebagai berbeza secara kolektif; dan
- (d) pengalaman ditakluki, diketepikan, dibuang, dikecualikan atau didiskriminasikan, sama ada keadaan ini berterusan atau tidak.⁷

Mengenai hak orang-orang asal, enam daripada tujuh hak asasi orang-orang asal bagi tujuan penerbitan ini diambil daripada prinsip dan hak yang dijelaskan oleh Profesor Dalee Sambo⁸ (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai “hak Asasi Orang-orang asal”). Penjelasan beliau bukanlah sesuatu yang unik tetapi telah menyimpulkan hak Asasi Orang-orang asal seperti yang digambarkan dalam banyak penulisan lain dalam bentuk yang ringkas.

Hak pertama, pengiktirafan secara kolektif masyarakat orang-orang asal dan hak yang bersifat kolektif berbeza dengan banyak hak antarabangsa bagi bukan-negara (misalnya hak asasi) yang bersifat individu. Keduanya, mesti terdapat hak penentuan nasib sendiri yang membolehkan orang-orang asal bebas menentukan status politik dan institusi serta bebas melaksanakan pembangunan ekonomi, sosial dan kebudayaan mereka.⁹

Ketiganya, negeri mesti mempunyai obligasi untuk mendapatkan persetujuan yang bebas dan berpengetahuan daripada orang-orang asal berkenaan dengan polisi dan keputusan yang menjejaskan mereka. Keempatnya, orang-orang asal hendaklah mempunyai hak untuk menentukan sendiri keutamaan berkaitan dengan pembangunan ekonomi, kebudayaan, kerohanian dan politik. Kelimanya, pembangunan sedemikian mestilah boleh

dikekalkan (bukan untuk jangka pendek) dan saksama (adil kepada semua).

Keenamnya, orang-orang asal hendaklah mempunyai hak untuk melindungi integriti nilai, amalan, institusi dan alam sekitar mereka. Akhirnya, terdapat hak yang jelas untuk dilayan dengan saksama tanpa diskriminasi yang negatif.

Adalah dihujahkan bahawa hak Asasi Orang-orang asal seperti yang dinyatakan di atas tidak merangkumi semua tetapi hanya merangkumi hak-hak asas yang perlu untuk memastikan kewujudan mereka. Tambahan lagi, kesemua hak ini memberikan fokus yang perlu dan penanda aras bagi perkara yang dibincangkan dalam penerbitan ini. Namun begitu, mestilah diingatkan bahawa hak-hak ini adalah hasil faktor sejarah dan faktor lain yang mempengaruhi dan membentuk kehendak dan keperluan orang-orang asal.

Evolusi Hak-hak Antarabangsa Orang-orang Asal



Tajuk ini secara ringkas memeriksa tempoh eksplorasi Eropah ke Amerika dalam tahun 1400an dan pandangan ahli alamiah mengenai undang-undang antarabangsa yang mengakibatkan kebangkitan penjajahan serta pandangan ahli positifis mengenai undang-undang antarabangsa dan kesannya ke atas orang-orang asal.

Eksplorasi Eropah Dan Pandangan Ahli Alamiah

Eksplorasi Eropah ke Amerika lewat kurun ke 15 dan awal kurun ke 16 sememangnya telah membangkitkan isu mengenai perhubungan undang-undang di antara mereka dengan orang-orang asal yang ditemui. Dalam lingkungan pemikiran yang dikaitkan dengan kebangkitan undang-undang antarabangsa moden, ahli teori Eropah mula mempersoalkan kesahan dan moraliti tuntutan terhadap “Dunia Baru” serta kekejaman yang berlaku.¹

Dua orang paderi Dominican yang terkenal ketika itu adalah Bartoleme De las Casas dan Francisco Vitoria.² De las Casas

mengkritik sistem *encomienda* Sepanyol yang memberikan hak kepada penakluk dan penjajah tanah untuk menjadikan orang Indian yang tinggal di tanah itu sebagai buruh mereka.³ Vitoria memutuskan bahawa orang Indian mempunyai kuasa tertentu yang mesti dihormati oleh orang Eropah.⁴ Beliau menolak pandangan bahawa sumbangan yang diberikan oleh paus kepada raja menjadi asas kesahan pemerintahan Sepanyol malah beliau berpendapat bahawa jelasnya orang Indian mempunyai kenegaraannya dan “satu agama mereka sendiri”.⁵

Beliau seterusnya menegaskan penemuan tanah orang Indian semata-mata tidak memberikan hak milik kepada Sepanyol sebagaimana jika orang Indian menjumpai negara Sepanyol.⁶

Sungguhpun beliau berpandangan liberal, beliau mempunyai prasangka Eurosentrik apabila menyatakan orang Indian tidak layak untuk mentadbir kerana mereka gagal untuk mematuhi bentuk tamadun Eropah yang amat dikenalnya.⁷

Selanjutnya beliau memperjuangkan teori peperangan adil dengan menjustifikasikan tindakan Sepanyol yang memerlukan orang Indian membenarkan orang asing mengembara di tanah mereka, berdagang dengan mereka dan yang memaksa mereka menganut agama Kristian mengikut *jus gentium* (undang-undang negara).⁸

Kesemua ini menunjukkan bahawa orang Indian yang merupakan orang-orang asal bukan sahaja hanya diiktiraf mempunyai hak tetapi juga tanggungjawab dalam lingkungan ahli alamiah. Seabad kemudian, Grotius, yang dikenali dengan meluas sebagai “bapa” undang-undang antarabangsa menolak konsep hak milik berdasarkan penemuan dan mengesahkan keupayaan semua orang termasuklah “orang asing kepada agama sebenar” (dalam kes ini, agama Kristian) untuk membuat hubungan triti tetapi menerima konsep peperangan adil atas alasan yang lebih sekular seperti pertahanan, untuk mendapat kembali harta dan hukuman.⁹

Dalam tempoh ini, undang-undang telah diluluskan agar orang-orang asal dilayan dengan perikemanusiaan¹⁰ dan triti pun ditandatangani dengan mereka.¹¹ Namun begitu, teori peperangan

adil tetap memberikan satu alasan bagi mengawal orang-orang asal.¹²

Kemunculan sepersetujuan mengenai konsep negara-negeri (“*nation state*”) melalui Triti Westphalia pada 1648 yang menyebabkan berakhirnya Peperangan Tiga puluh Tahun di Eropah telah membawa pandangan Eurosentrik mengenai apakah yang terjumlah kepada sebuah negeri atau negara bagi tujuan undang-undang antarabangsa.

Konsep negara-negeri selepas era Westphalia berasaskan kepada model organisasi politik dan sosial yang mana ciri-ciri dominannya adalah kekuasaan wilayah yang eksklusif, pemerintahan berhierarki dan berpusat sedangkan orang-orang asal sebelum mempunyai hubungan dengan Eropah, ditadbir mengikut pertalian puak dan kekeluargaan, mempunyai struktur politik yang tidak berpusat dan menikmati kawalan bersama atau bertindih ke atas wilayah.¹³ Di sinilah terletaknya masalah kerana orang-orang asal tidak dapat menikmati hak dan tanggungjawab di bawah undang-undang negara melainkan jika mereka layak sebagai negara-negeri di mata Eropah.¹⁴

Emmerich Vattel, seorang diplomat Swiss yang terkenal telah menyatakan idea bagi satu badan undang-undang secara eksklusif berhubung dengan negeri dalam bukunya *The Law of Nations, or the Principles of Natural Law (1758)* mendefinisikan negeri dengan luas untuk merangkumi “semua badan politik, persatuan yang menyatukan orang dan menggabungkan kuasa mereka untuk mempromosikan kebajikan dan keselamatan mereka bersama” dan beliau percaya bahawa sekurang-kurangnya ada di antara orang asli bukan Eropah yang layak menjadi negeri atau negara dengan hak-hak yang sedemikian.¹⁵ Namun demikian, Vattel sendiri membuat perbezaan di antara Empayar Peru dan Mexico yang dianggapnya sebagai bertamadun dengan puak Amerika Utara yang dipersalahkan sebagai nomad dan tidak bertamadun.¹⁶

Satu contoh yang kerap digunakan untuk menunjukkan kekaburan dan ke tidak konsisten dalam pengiktirafan orang-orang asal sebagai negara-negeri adalah apa yang sekarang dikenali

sebagai Trilogi Marshall, tiga keputusan Mahkamah Agung Amerika Syarikat yang dibuat oleh Ketua Hakim Marshall di awal abad ke 19. Dalam *Johnson v M'Intosh*¹⁷ kes yang melibatkan persaingan kepentingan di atas tanah iaitu di antara hak milik yang diberikan oleh Kerajaan Amerika Syarikat dan hak milik yang dibeli daripada puak orang Indian, Marshall berpendapat bahawa masyarakat puak tidak mempunyai kelayakan seperti sebuah negara atau negeri maka tidak mempunyai hak ke atas tanah nenek moyang mereka. Marshall mengambil pendekatan yang berbeza dalam *Cherokee Nation v Georgia*¹⁸ di mana beliau memutuskan bahawa puak orang Indian (dalam kes ini melibatkan puak Cherokee) bukanlah “negeri-negeri asing” di bawah Perkara III Perlembagaan Amerika Syarikat tetapi dengan jelas menyatakan puak orang Indian adalah seakan-akan sebuah negara domestik bergantung (“*domestic dependent nation*”) yang ada hubungan dengan Amerika Syarikat, yang menyerupai hubungan anak jagaan dan penjaganya. Akhir sekali, dalam *Worcester v Georgia*¹⁹, sebuah kes lagi yang melibatkan Cherokee, Marshall memutuskan puak orang Indian adalah “negara” yang mempunyai hak semula jadi ke atas tanah mereka dan mereka tidak akan kehilangan hak itu hanya melalui penemuan sahaja. Sungguhpun begitu, penyerahan secara sukarela dan penaklukan sebenar, terpakai kepada semua negara, boleh menentukan sama ada orang Indian telah melucutkan hak mereka atau tidak.

Penilaian liberal Marshall dalam kes *Worcester* mengenai status puak orang Indian dikatakan dipengaruhi oleh fakta bahawa puak Cherokee telah menerima sistem pemerintahan dan pendidikan Eropah.²⁰ Ini jelas menunjukkan perspektif Eurosentrik mengenai orang-orang asal dan undang-undang negara yang ada pada masa itu. Walaupun menyedari perbuatan mereka adalah tidak bermoral dan memperakukan kewujudan satu bentuk tamadun dan kenegaraan di kalangan orang-orang asal, juris ahli alamiah Barat telah tidak mengambil langkah selanjutnya untuk melindungi hak Asasi Orang-orang asal, mungkin kerana dogma agama dan penentangan terutamanya daripada penjajah Eropah. Justeru itu,

orang-orang asal merupakan:

“cukup berdaulat untuk membuat triti dengan tujuan untuk menyerahkan hak milik mereka ke atas wilayah mereka, tetapi tidak cukup berdaulat untuk berfungsi sebagai entiti politik yang merdeka atau untuk melindungi sisa-sisa kedaulatan mereka.”²¹

Sungguhpun begitu, tempoh ini jelas menunjukkan kerelaan undang-undang alamiah barat mengiktiraf hak asas orang-orang asal sebagai negara-negeri.

Kebangkitan Positivisme dan Kemerosotan Hak-hak Orang Asal

Tidak lama selepas Trilogi Marshall, undang-undang antarabangsa mengenai pengiktirafan orang-orang asal sebagai badan politik merosot sebahagian besarnya kerana kuasa penjajahan. Undang-undang negara dijadikan kuasa untuk mengesahkan penjajahan dan bukannya untuk membebaskan orang-orang asal.²² Bahagian kedua abad ke 19 melihat pembelajinan status orang-orang asal apabila negeri yang menjajah mencari cara untuk memindahkan isu berkaitan dengan orang-orang asal ini dari sfera antarabangsa kepada domestik.²³

Empat premis undang-undang negara yang dijadikan kuasa pengesahan berasaskan positivisme sepenuhnya dan kini membentuk banyak prinsip asas undang-undang antarabangsa sezaman.²⁴ Mengikut Anaya, premis itu adalah:

- (a) undang-undang antarabangsa hanya mementingkan hak dan tanggungjawab negeri-negeri;
- (b) undang-undang antarabangsa menyokong kedaulatan eksklusif negeri, yang dianggap saksama dan merdeka maka kedaulatannya mestilah dipertahankan daripada campur tangan luar;
- (c) undang-undang antarabangsa adalah undang-undang antara negeri-negeri dan bukan memerintah negeri, yakni teori asas kepada persetujuan; dan

- (d) kecenderungan di awalnya untuk memberikan konsep negeri yang sempit serta mengikut ungkapan Eurosentrik telah mengecualikan orang-orang asal.²⁵

Kesan premis ini bermakna orang-orang asal tidak boleh mengambil bahagian dalam pembentukan undang-undang antarabangsa sementara negeri-negeri yang diiktiraf pula boleh mewujudkan atau menyesuaikan doktrin-doktrin untuk menyempurnakan tuntutan terhadap wilayah orang-orang asal dan menggubal undang-undang yang membelajinakkan orang-orang asal tanpa mempunyai bentuk semakan dan imbangan yang berkesan.²⁶ Sebagai contoh, tanah orang-orang asal sebelum kehadiran mana-mana orang asing telah dianggap tidak diduduki di sisi undang-undang atau *terra nullius* (tanah kosong) di mana penemuan digunakan untuk menyokong tuntutan penjajah terhadap tanah orang-orang asal serta menyangkal apa-apa tuntutan pemilikan oleh orang-orang asal.²⁷ Prinsip Oppenheim pada awal abad ke 20 mengenai pengiktirafan “negeri bertamadun” sebelum sesebuah negeri menjadi entiti antarabangsa²⁸ hanyalah untuk menjaga kepentingan orang Eropah kerana adalah untuk kepentingan “Keluarga Negara” yang sedia ada untuk tidak mengiktiraf orang-orang asal sebagai sebuah negeri yang mempunyai hak di dalam undang-undang antarabangsa apabila melaksanakan kuasa penjajahan.

Satu contoh yang baik bagaimana masyarakat antarabangsa memandang hak orang-orang asal berkaitan dengan kedaulatan adalah pertikaian 1922-1924 yang melibatkan Iroquois Confederacy dan Kanada di organisasi antarabangsa yang menyelesaikan pertelingkahan di antara negeri pada ketika itu, iaitu League of Nations.²⁹ Iroquois Confederacy, merupakan sebuah persekutuan enam negeri orang asli yang ingin mendapat pengiktirafan autonomi politik dan resolusi berkenaan dengan pertelingkahan berterusannya dengan kerajaan Kanada daripada League of Nations.³⁰ Mereka memohon supaya League of Nations menerima mereka sebagai anggota dan menghalang kerajaan Kanada daripada mencerooboh kemerdekaan mereka.³¹ Mereka

menghujahkan bahawa Negara Enam tersebut telah lama menjadi negeri yang mempunyai pemerintahan sendiri dan telah diiktiraf melalui triti rasmi di masa lampau serta mempunyai hubungan diplomatik dengan Belanda, Perancis, Amerika dan British sejak 1613 dan mereka juga merujuk kepada Vattel³² untuk menyokong hujah itu.³³ League of Nations memutuskan bahawa Iroquois tidak layak untuk menjadi anggota organisasi tersebut kerana status kedaulatan Kanada (isu yang dipertikaikan pada masa itu) menghalang pengiktirafan yang sama diberikan kepada orang-orang asal yang tinggal di dalam sempadannya.³⁴

Walaupun tidak mengiktiraf orang-orang asal sebagai negeri, banyak negeri yang menjajah menerima pakai tanggapan pengamanahan terhadap orang-orang asal yang menunjukkan pemikiran perikemanusiaan terhadap mereka tetapi pada masa yang sama dilihat sebagai menganggap orang-orang asal dan budaya mereka sebagai lebih rendah yang memerlukan “ketamadunan”.³⁵

Doktrin pengamanahan (“*trusteeship doctrine*”) di mana negeri bertindak mengikut apa yang difikirkan di dalam kepentingan terbaik bagi orang-orang asal diamalkan oleh Great Britain, Amerika Syarikat dan Kanada semasa pertengahan abad kesembilan belas hingga awal abad kedua puluh.³⁶ Perlulah diingatkan bahawa dalam melaksanakan misi ketamadunan ini, kerajaan dan agen gereja Kristian dengan sistematikanya telah memecah bentuk politik, organisasi sosial, amalan budaya dan menindas amalan budaya.³⁷ Bukti untuk menyokong hujah ini dapat dilihat dalam kemerosotan populasi orang-orang asal di negara-negara ini yang mencapai tahap paling rendah pada lewat abad ke 19.³⁸ Doktrin pengamanahan ini boleh juga dilihat sebagai bersifat asimilasi yang menyumbang kepada kemusnahan cara hidup orang-orang asal.

Tempoh ini boleh dianggap sebagai antara tempoh hitam bagi undang-undang antarabangsa kerana ianya digunakan untuk menambahkan kuasa penjajahan dalam dunia dan melemahkan jika tidak memusnahkan orang-orang asal.

Penglibatan Awal Organisasi Antarabangsa



Tajuk ini akan menilai peranan awal dua organisasi antarabangsa, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (“PBA”) dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (“PBB”) dalam melindungi hak Asasi Orang-orang Asal dengan mengkaji beberapa konvensyen penting yang telah diterima pakai oleh organisasi-organisasi ini sebelum 1982, iaitu tahun di mana PBB akhirnya menubuhkan Kumpulan Kerja PBB bagi Populasi Orang-orang asal untuk memperkatakan secara langsung masalah orang-orang asal ini¹(“WGIP”).

Pertubuhan Buruh Antarabangsa

PBA mula bergiat dalam hal-ehwal orang-orang asal seawal 1921 melalui apa yang dikenali sebagai “pekerja asli” dan setelah penubuhan sistem PBB ekoran daripada Perang Dunia Kedua, ia menjadi agensi utama dalam program Indian Andea, suatu program pembangunan yang merangkumi pelbagai disiplin untuk negara Andea di Amerika Latin.² Di antara awal tahun-tahun 1950an hingga 1970an, usahanya turut disertai oleh PBB dan agensi PBB

yang lain (seperti Organisasi Makanan dan Pertanian PBB, Organisasi Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan (“UNESCO”) dll).

Oleh kerana PBA adalah sebuah organisasi antarabangsa yang dikenali umum sebagai badan yang terlibat dengan buruh, penglibatannya dengan orang-orang asal telah dipersoalkan di setiap arena antarabangsa tetapi akhirnya penglibatannya telah diperakukan. PBA dianggap paling sesuai untuk berurusan dengan hak orang-orang asal pada masa itu terutamanya kerana “buruh” semata-mata yang merujuk kepada “bekerja untuk upah” tidak memberikan gambaran sebenar mandat PBA yang turut merangkumi persekitaran yang membolehkan manusia berjuang untuk kewujudan dan keselamatan ekonomi.³ Isu berkaitan dengan orang-orang asal seperti layanan yang saksama, perlindungan asas daripada prosedur pentadbiran yang berat sebelah, perlindungan untuk tanah mereka sebagai sumber ekonomi, latihan vokasional dan literasi dan isu keselamatan sosial kesemuanya merupakan perkara yang berkaitan dengan bidang kuasa teras PBA.

Pada 1957, Konvensyen 107⁴ (“Konvensyen 107”) yang kekal unik dalam undang-undang antarabangsa sebagai satu-satunya pernyataan komprehensif antarabangsa mengenai hak populasi orang-orang asal untuk 32 tahun sehingga pada 1989 diterima pakai. Konvensyen tersebut merangkumi polisi asas dan pentadbiran, melindungi undang-undang adat, mengandungi perlindungan penting hak terhadap tanah bagi golongan ini dan menjamin layanan saksama atau layanan yang lebih baik dalam bidang buruh, keselamatan sosial, kesihatan, latihan vokasional dan pendidikan am.⁵

Perkara positif mengenai Konvensyen 107 ini adalah negara yang telah menjadi penandatangannya diperlukan untuk menghantar satu laporan tahunan mengenai undang-undang dan amalan, yang akan disemak oleh Jawatankuasa Kepakaran mengenai Pemakaian Konvensyen dan Cadangan yang boleh mengemukakan cadangan kepada negara berkenaan untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan di persidangan tahunan

PBA.⁶ Dalam kes-kes tertentu, Konvensyen 107 menjadi faktor utama dalam memperbetulkan sesuatu situasi dan dalam keadaan-keadaan lain, ia mampu memfokuskan perhatian antarabangsa kepada kesinambungan kewujudan dan kebajikan orang-orang asal.⁷

Walau bagaimanapun, Konvensyen 107 mempunyai beberapa kekurangan asas kerana ia merujuk kepada orang-orang asal sebagai “kurang maju”⁸ dan menggalakkan integrasi sebagai cara untuk menyelesaikan “masalah” yang berlaku di negeri-negeri akibat daripada kesinambungan kewujudan mereka.⁹ Ianya telah dikritik sebagai satu orientasi asimilasi.¹⁰ Namun terdapat juga perlindungan yang terbatas di dalam Konvensyen 107. Perkara 11, misalnya, memerintahkan kerajaan untuk mengiktiraf anggota puak orang-orang asal sebagai mempunyai kedua-dua hak individu dan kolektif ke atas tanah yang diduduki secara tradisional. Perkara 12 memberi amaran kepada kerajaan yang melakukan asimilasi agar tidak memindahkan puak orang-orang asal dari wilayah biasa mereka tanpa persetujuan mereka, melainkan tindakan itu untuk kepentingan pembangunan ekonomi kebangsaan. Namun, Konvensyen 107 hanya telah ditandatangani oleh 27 negara sahaja.¹¹

Satu penilaian yang mudah yang dibuat dengan membandingkan peruntukan Konvensyen 107 terhadap hak Asasi Orang-orang Asal¹² menunjukkan bahawa Konvensyen 107 telah menyumbang lebih banyak kepada kemusnahan orang-orang asal daripada kewujudannya walaupun hak asas mereka dilindungi. Antaranya, pendekatan integrasinya, kegagalan untuk mengiktiraf hak penentuan nasib sendiri (sama ada secara luas atau sempit) dan hak kolektif sebagai “orang” dan penganan syarat berhubung dengan hak untuk berunding dan persetujuan dalam perkara yang menjejaskan hak orang-orang asal menyokong kesimpulan ini. Meskipun begitu, Konvensyen 107 boleh dianggap sebagai satu langkah besar ke hadapan daripada pendirian masyarakat antarabangsa yang sehingga tempoh itu telah sewenang-wenangnya melanggar hak asas orang-orang asal.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Instrumen Hak Asasi Awal Antarabangsa

Ekoran daripada berakhirnya Perang Dunia Kedua, kerajaan-kerajaan dunia bebas telah menubuhkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengikut Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu¹³ (“Piagam PBB”) pada 1945. Antara prinsipnya adalah untuk mewujudkan hubungan baik antara negara berdasarkan sikap hormat terhadap prinsip hak saksama dan penentuan nasib sendiri rakyatnya¹⁴ dan untuk menggalakkan rasa hormat kepada hak asasi untuk semua tanpa membezakan kaum, jantina, bahasa dan agama.¹⁵ Mukadimah dalam Pengisytiharan Hak Asasi¹⁶ (“UDHR”) yang merupakan pernyataan prinsip yang menjadi ukuran kepada standard antarabangsa mengenai hak asasi tanpa menyebut tentang penentuan nasib sendiri sama sekali, menyatakan dengan jelas keperluan untuk negara anggota menjamin hak asasi kepada semua orang di dalam wilayah yang berada di bawah bidang kuasa mereka.

Oleh itu, Piagam PBB dan UDHR telah meletakkan asas kepada anggota PBB untuk mengiktiraf bukan hanya hak minoriti tetapi juga hak orang-orang asal.¹⁷ Walau bagaimanapun, kedua-dua dokumen ini tidak memberikan tumpuan yang nyata mengenai kepentingan alam sekitar dalam kebudayaan tradisi orang-orang asal atau menjadikan penentuan nasib sendiri sebagai objektif utamanya.¹⁸

Setelah hampir 20 tahun dan selepas perdebatan yang panjang, Perhimpunan Agung PBB akhirnya menerima pakai tiga triti yang memperkatakan tentang hak asasi; iaitu Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Kaum (1965)¹⁹ (“ICEFRD”), Waad Antarabangsa mengenai Hak-hak Sivil dan Politik (1966)²⁰ (“ICCPR”) dan Waad Antarabangsa mengenai Hak-hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (1966)²¹ (“ICESCR”). Kesemua triti ini memberikan kuat kuasa undang-undang kepada hak yang dinyatakan dalam UDHR.

ICEFRD meletakkan tanggungjawab kepada negara penandatangan untuk mengutuk diskriminasi terhadap mana-mana

orang berdasarkan kaum, warna kulit, keturunan atau warganegara atau asal etnik.²² Ia selanjutnya menggesa negara untuk “tidak menggalakkan apa-apa yang cenderung untuk menimbulkan perpecahan kaum”²³ dan mengiktiraf hak untuk memiliki harta bersama dengan yang lain.²⁴ Perkara 1 perenggan 4 ICEFRD membenarkan langkah-langkah khas diambil untuk memastikan pembangunan yang mencukupi untuk kumpulan tertentu dicapai bagi memberikan nikmat yang saksama atau melaksanakan hak asasi yang disediakan dengan syarat langkah-langkah ini “tidak diteruskan apabila objektif yang mana ia dibuat telah dicapai”. Seorang individu atau kumpulan individu yang mendakwa bahawa dia adalah mangsa kepada pelanggaran hak yang dinyatakan dalam ICEFRD boleh memaklumkan Jawatankuasa Penghapusan Diskriminasi Kaum (“CERD”) yang boleh membuat cadangan kepada negara penandatanganan dan kepada mangsa tertakluk kepada Perkara 14 ICEFRD. Walaupun tidak diperuntukkan dengan nyata untuk orang-orang asal, peruntukan ICEFRD dilihat sebagai terpakai kepada orang-orang asal dalam keadaan yang terhad seperti yang dinyatakan dalam ICEFRD. Tujuan utama ICEFRD nampaknya untuk mewujudkan kesaksamaan di antara individu daripada semua kaum dan bukan untuk melindungi hak Asasi orang-orang Asal yang penting untuk kewujudan mereka sebagai “orang”. Baru-baru ini, CERD telah dalam Cadangan Umum XXIII menekankan kepentingan untuk memastikan anggota orang-orang asal mempunyai hak saksama dalam menyertai kehidupan awam secara efektif dan keputusan mengenai hak dan kepentingan mereka tidak boleh dibuat tanpa persetujuan berpengetahuan mereka.²⁵

Fokus utama ICCPR pula adalah mengenai hak semua individu untuk dilayan secara saksama dan berperikemanusiaan oleh sesebuah negara di bawah undang-undangnya atau apa yang dikenali sebagai generasi hak pertama.²⁶ Namun terdapat juga peruntukan yang nampaknya²⁷ melindungi orang-orang asal. Peruntukan ini memerlukan negara penandatanganan untuk memastikan:

- (1) hak untuk penentuan nasib sendiri²⁸ (yang didefinisikan sebagai hak “yang bebas untuk menentukan status politik dan bebas untuk melaksanakan pembangunan ekonomi, sosial dan kebudayaan”²⁹);
- (2) hak untuk perlindungan yang saksama di bawah undang-undang tanpa diskriminasi berdasarkan antara lain, kaum;³⁰
- (3) hak individu dari kumpulan etnik, agama, bahasa minoriti kepada hak yang tidak boleh dinafikan, dalam masyarakat bersama dengan anggota lain kumpulan itu, untuk menikmati budaya mereka, mengamalkan agama atau menggunakan bahasa mereka sendiri;³¹
- (4) hak untuk keluarga dan privasi³² dan perlindungan untuk keluarga³³; dan
- (5) hak untuk kebebasan dan pemikiran³⁴.

Protokol Opsyen Pertama kepada ICCPR³⁵ (“Protokol Opsyen Pertama”) membenarkan individu (bukan kumpulan seperti tuntutan yang kadang-kadang dibuat oleh orang-orang asal) untuk membuat permohonan kepada Jawatankuasa Hak Asasi berkaitan dengan apa-apa pelanggaran ICCPR di mana Jawatankuasa itu akan membuat keputusan dan keputusan itu dihantar kepada individu dan diterbitkan dalam laporan tahunannya.³⁶

Walaupun begitu, peruntukan ICCPR berkenaan dengan penentuan nasib sendiri telah ditafsirkan dengan hati-hati oleh PBB dan masyarakat antarabangsa. Pertamanya, orang-orang asal tidak dianggap sebagai “orang” untuk tujuan penentuan nasib sendiri di bawah Perkara 1 ICCPR kerana hak itu mengikut sejarahnya sentiasa disamakan dengan proses menyahjajah³⁷ dan hak mutlak untuk membentuk sebuah negara yang merdeka.³⁸ Penolakan tanggapan bahawa penentuan nasib sendiri daripada perspektif

orang-orang asal adalah lebih kepada hak untuk diwakili dalam politik dan penyertaan dalam negara secara saksama³⁹ berbanding dengan hak untuk menuntut kemerdekaan daripada negara yang berdaulat, mungkin boleh menjelaskan kenapa usaha orang-orang asal ini untuk mengemukakan makluman mengikut Perkara 1 ICCPR gagal.⁴⁰

Jawatankuasa Hak Asasi ini telah dalam 20 tahun terakhir menimbang aduan di bawah Perkara 27 berkenaan dengan perlindungan terhadap kebudayaan walaupun ia pada asalnya tidak diniatkan untuk terpakai kepada orang-orang asal.⁴¹ Jawatankuasa itu memutuskan bahawa sesebuah negara mungkin boleh mencabul Perkara 27 apabila peraturan mengenai aktiviti ekonomi yang lazimnya menjadi perkara yang diputuskan oleh negara secara dalaman merupakan elemen penting kepada budaya dan masyarakat etnik itu.⁴²

Situasi lain di mana telah diputuskan berlakunya pencabulan Perkara 27 termasuklah pemberian pajakan aktiviti pembalakan komersil di atas tanah yang boleh memusnahkan kehidupan tradisional Lubicon Lake Group,⁴³ pemberian permit kuari batu yang mengganggu amalan penternakan tradisional rusa kutub bagi puak Sami⁴⁴ dan menghalang anggota orang-orang asal minoriti daripada menetap di atas tanah simpanan puak.⁴⁵

Pada 1994, Jawatankuasa Hak Asasi membuat kesimpulan bahawa terdapat pelanggaran bagi Perkara 17 perenggan 1 (hak untuk kehidupan berkeluarga) dan Perkara 23 perenggan 1 (hak individu untuk negara melindungi kehidupan berkeluarga) ICCPR dalam cadangan pembinaan sebuah hotel.⁴⁶

Jawatankuasa itu turut membuat komen bahawa budaya ditunjukkan dalam pelbagai bentuk termasuklah “satu cara hidup tertentu yang dikaitkan dengan penggunaan sumber tanah, terutamanya dalam kes orang-orang asal” dan mestilah ada “langkah-langkah efektif untuk memastikan penyertaan efektif oleh anggota...dalam keputusan yang menjejaskan mereka”⁴⁷ menunjukkan satu pengiktirafan akan perhubungan khas antara orang-orang asal, dengan tanah mereka, alam sekitar dan budaya

serta keperluan untuk melindungi hak-hak ini.

ICESCR memperkatakan tentang generasi hak kedua termasuklah hak untuk meneruskan pembangunan ekonomi, sosial dan kebudayaan.⁴⁸ Hak-hak ini dikaitkan dengan pekerjaan, pengeluaran makanan, kesihatan, pendidikan dan penyertaan dalam masyarakat saintifik, artistik dan intelektual⁴⁹ dan adalah berkaitan dengan hak orang-orang asal tetapi hak ini tidak menyediakan cara bagaimana wilayah tradisional atau sumber semula jadi dipelihara atau dilindungi untuk kegunaan kebudayaan orang-orang asal.⁵⁰ Halangan selanjutnya kepada hak ini untuk menjadi suatu realiti adalah kekurangan prosedur aduan di bawah ICESCR.

Bahagian ini jelas menunjukkan hak Asasi Orang-orang asal bukanlah agenda utama semasa pengisytiharan dan triti ini digubal. Kekurangan fokus mengenai “hak kolektif” yang khas untuk orang-orang asal berserta hak yang bersifat individu dalam dokumen ini menyokong kedudukan ini. Walaupun begitu, hala terkini dalam pengiktirafan Jawatankuasa Hak Asasi terhadap hak tertentu orang-orang asal terutamanya dalam kes ICCPR dan ICESCR merupakan suatu perkembangan positif dalam undang-undang antarabangsa yang melibatkan hak orang-orang asal. Perhatian mesti diberikan bahawa perkembangan ini merupakan sebahagian daripada kemajuan yang dicapai dalam tempoh 25 tahun oleh orang-orang asal di peringkat antarabangsa yang akan dibincangkan dalam tajuk seterusnya.

Kemunculan Hak-hak Antarabangsa Orang-orang Asal

5



Kemajuan dalam undang-undang antarabangsa berhubung dengan perlindungan hak Asasi Orang-orang asal bagi memastikan kewujudan mereka akan dinilai dalam tajuk ini dengan menganalisis secara kritikal perkembangan terbaru bermula dengan penubuhan WGIP sehingga penerimaan Draf Pengisytiharan Hak Orang-orang Asal oleh Majlis Hak Asasi pada pertengahan 2006.

Seksyen ini akan mengkaji semula perkembangan hak orang-orang asal daripada perspektif penetapan standard oleh PBA dan PBB dan perkembangan antarabangsa yang berkaitan.

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA)

Oleh kerana semakin meningkat tanggapan bahawa pendekatan integrasi Konvensyen 107 adalah ketinggalan zaman dan tidak lagi sesuai untuk memenuhi kehendak orang-orang asal, cadangan dibuat kepada Badan Pentadbir PBA untuk menyemaknya pada 1986.¹

Konvensyen 169² (“Konvensyen 169”) menerima pakai satu sikap baru yang menghormati kebudayaan dan cara hidup orang-orang asal dan orang berpuak dan beranggapan bahawa mereka mempunyai hak untuk terus wujud dan membangun mengikut cara yang mereka inginkan.³

Dari aspek hak Asasi Orang-orang asal ini, pertamanya tidak disebutkan tentang hak untuk penentuan nasib sendiri. Pada hakikatnya, Perkara 1 perenggan 3 menjelaskan makna “orang” dalam Konvensyen ini sebagai tidak mempunyai implikasi di bawah undang-undang antarabangsa maka ini menghapuskan kemungkinan penggunaan “orang” untuk menyiratkan penentuan nasib sendiri. Sementara bagi hak untuk persetujuan yang bebas dan berpengetahuan pula, Konvensyen 169 menggunakan ungkapan seperti “perundingan”⁴ dan “penyertaan” malah membenarkan keperluan persetujuan dikecualikan sekiranya peluang untuk membuat representasi yang efektif berkenaan dengan hak orang-orang asal untuk tidak dipindahkan dari tanah mereka telah diberikan.⁵

Sungguhpun demikian, hak untuk menentukan pembangunan ekonomi, sosial dan kebudayaan mereka dilindungi tetapi tanpa hak untuk menentukan pembangunan politik.⁶ Bagi hak-hak kolektif pula, Konvensyen 169 ini tidak menyebutnya dengan nyata tetapi menyeru negara-negara supaya mengambil kira masalah yang dihadapi oleh orang-orang asal sebagai satu kumpulan. Akhirnya, hak untuk melindungi integriti nilai, amalan, institusi dan alam sekitar,⁷ hak pembangunan yang saksama⁸ dan kesaksamaan⁹ adalah dilindungi oleh Konvensyen 169.

Walaupun dengan kelemahan ini, Konvensyen 169 ini dilihat sebagai satu langkah sederhana ke hadapan setelah menimbang hakikat bahawa penerimaan berlaku dalam suasana pertelingkahan sengit, perjuangan untuk persefahaman dan muslihat di luar pentas.¹⁰ Telah dikatakan bahawa Konvensyen 169 telah mentahbiskan hak untuk pengurusan nasib sendiri (dalam batasan yang dibenarkan oleh negara), mengiktiraf hak untuk wujud secara berterusan dan mengiktiraf sebahagian daripada tuntutan untuk

dianggap sebagai orang. Namun begitu, kelonggaran perkataan yang digunakan di dalam Konvensyen 169 dan kekurangan prosedur aduan memerlukan tindakan di peringkat kebangsaan oleh negara penandatanganan berbanding dengan obligasi penguatkuasaan langsung.

Tindak balas langsung PBB

Pada awal 1970an, kempen antarabangsa yang cergas oleh orang-orang asal dan sokongan daripada organisasi bukan kerajaan mengenai keperluan yang serius untuk mempromosikan dan melindungi hak orang-orang asal akhirnya memaksa Majlis Ekonomi dan Sosial PBB (“ECOSOC”) untuk memberikan kuasa kepada Suruhanjaya mengenai Pencegahan Diskriminasi dan Perlindungan Minoriti (“Suruhanjaya Kecil”) membuat kajian mengenai masalah diskriminasi terhadap populasi orang-orang asal dan mencadangkan langkah-langkah untuk menghapuskan diskriminasi tersebut.¹¹

Sebelum kajian itu sempat disempurnakan, Suruhanjaya Kecil itu dibenarkan untuk menubuhkan WGIP bagi menyemak pembangunan berkaitan dengan hak asasi populasi orang-orang asal dan memberikan perhatian kepada evolusi standard mengenai hak-hak itu dalam populasi tersebut.¹²

Pada sesi pertama dalam tahun 1982, kaedah untuk prosedur diterima pakai yang membenarkan orang berkepentingan untuk berucap kepada WGIP dan mengizinkan penyerahan maklumat daripada apa-apa sumber, yang telah membuka pintu kepada penyertaan orang-orang asal dalam pertimbangan WGIP.¹³ Satu lagi faktor penting yang membantu penyertaan orang-orang asal adalah pembentukan Dana Sukarela untuk Orang-orang asal oleh Perhimpunan Agung PBB yang membiayai penyertaan sedemikian.¹⁴

Pada sesinya yang keempat pada 1985, WGIP memutuskan bahawa matlamatnya adalah untuk menghasilkan draf pengisytiharan mengenai hak orang-orang asal yang kemudiannya akan diterima pakai dan diisytiharkan di Perhimpunan Agung

PBB.¹⁵ Dari tahun 1988 draf Pengisytiharan Sejagat mengenai Hak Asasi Orang-orang asal telah digubal, dibahaskan, disemak dan digubal semula sehingga 1994 apabila WGIP mengemukakan teks Draf Pengisytiharan itu kepada badan induknya, Suruhanjaya Kecil.¹⁶

Selepas 12 tahun kemudian, Majlis Hak Asasi¹⁷ akhirnya menerima pakai Pengisytiharan PBB mengenai Hak Orang-orang asal¹⁸ (“Pengisytiharan itu”) dan mencadangkan supaya Perhimpunan Agung PBB menerima pakai Pengisytiharan itu.¹⁹ Walau bagaimanapun, perkembangan Pengisytiharan itu mengalami tentangan hebat baru-baru ini apabila Jawatankuasa Ketiga Perhimpunan Agung PBB (Sosial, Kemanusiaan dan Kebudayaan) pada 28 November 2006 mengundi untuk menengahkan pertimbangan mengenai Pengisytiharan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Hak Asasi Orang-orang asal sekurang-kurangnya sehingga akhir sesi tahunan semasa untuk memberikan lebih masa bagi perundingan.²⁰

Adalah dipercayai bahawa pertambahan masa yang tiada hadnya untuk perundingan kerajaan tidak akan menambahkan peluang bagi Pengisytiharan itu untuk diterima pakai tetapi dilihat sebagai satu percubaan oleh kerajaan seperti Australia, New Zealand, Amerika Syarikat dan Kanada - yang dengan degilnya menentang penerimaan teks Pengisytiharan itu seperti yang dilakukan oleh Majlis Hak Asasi - untuk merosakkannya atau langsung menghalangnya daripada diterima pakai.²¹

Sungguhpun gambaran yang ditunjukkan di atas begitu suram, tetapi mestilah diingatkan bahawa kandungan Pengisytiharan itu belum lagi disentuh atau dipinda dalam apa-apa cara pun. Oleh itu, peruntukan Pengisytiharan itu masih lagi relevan. Pada umumnya, Pengisytiharan itu cuba untuk melindungi hak Asasi Orang-orang asal dengan melindungi pertamanya, hak-hak kolektif orang-orang asal,²² keduanya, hak untuk penentuan nasib sendiri,²³ ketiganya, obligasi untuk mendapat persetujuan yang bebas dan berpengetahuan apabila membuat keputusan yang menyentuh orang-orang asal,²⁴ keempatnya, hak untuk menentukan keutamaan

mereka sendiri,²⁵ kelimanya, pengiktirafan hak untuk pembangunan yang boleh dikekalkan dan saksama,²⁶ keenamnya, hak untuk melindungi nilai, amalan, institusi dan alam sekitar²⁷ serta ketujuhnya, hak untuk dilayan dengan saksama tanpa diskriminasi.²⁸ Pengisytiharan itu, walaupun bukanlah satu dokumen yang mengikat selepas ia diterima pakai, akan menjadi bukti kepada keazaman masyarakat antarabangsa untuk melindungi hak orang-orang asal.

PBB telah juga memainkan peranan dalam mengiktiraf dan mempromosikan hak orang-orang asal apabila Perhimpunan Agung mengisytiharkan 1993 sebagai Tahun Antarabangsa bagi Orang-orang asal Dunia.²⁹ Tema untuk tahun antarabangsa itu adalah “Satu Perkongsian Baru” yang memperkukuhkan lagi kerjasama antarabangsa untuk mencari penyelesaian kepada masalah orang-orang asal dalam bidang hak asasi, alam sekitar, pembangunan ekonomi dan kesihatan.³⁰

Berdasarkan cadangan yang dibuat di Persidangan Hak Asasi Vienna pada 1993, Perhimpunan Agung telah mengisytiharkan Dekad Antarabangsa bagi Orang-orang asal Dunia bermula pada 10 Disember 1994 dan menyatakan antara lain, betapa pentingnya untuk menubuhkan satu forum tetap bagi orang-orang asal dan mempelawa kerajaan untuk memastikan perancangan dan pelaksanaan dekad itu dibuat berasaskan perundingan dan kerjasama sepenuhnya dengan orang-orang asal.³¹

Objektif dekad itu merangkumi promosi dan perlindungan hak orang-orang asal dan kuasa untuk mereka membuat pilihan yang boleh mengekalkan identiti kebudayaan mereka sambil menyertai kehidupan dengan menghormati nilai-nilai budaya mereka, penerimaan Pengisytiharan itu dan perundangan kebangsaan untuk melindungi dan mempromosikan hak Asasi Orang-orang asal, penubuhan forum tetap mengenai orang-orang asal di PBB serta promosi pendidikan berkenaan dengan keadaan, bahasa, hak dan aspirasi orang-orang asal.³²

Pada tahun 2000, ECOSOC telah menubuhkan Forum Tetap mengenai Isu Orang-orang asal (“PFII”) dengan mandat daripada

ECOSOC berkaitan dengan pembangunan ekonomi dan sosial, budaya, alam sekitar, pendidikan, kesihatan dan hak asasi orang-orang asal.³³

Pada Disember 2004, Perhimpunan Agung PBB telah menerima pakai resolusi kedua untuk Dekad Antarabangsa Kedua bagi Orang-orang asal Dunia yang bermula pada 1 Januari 2005³⁴ yang menunjukkan betapa pentingnya untuk mencapai objektif dekad pertama dan memperluaskan lagi objektifnya, tetapi pada masa yang sama ia turut menyiratkan kegagalan dekad pertama untuk mencapai objektifnya, sehingga perlu diadakan dekad kedua.³⁵

Tindak balas lain

Kebelakangan ini, terdapat banyak instrumen antarabangsa yang terpakai kepada orang-orang asal tetapi fokus akan diberikan kepada instrumen yang telah mengambil kira dengan nyata hak dan kepentingan orang-orang asal yang relevan untuk kewujudan mereka secara langsung.

Pada Jun 1992, Persidangan PBB mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan³⁶ menerima pakai satu pengisytiharan mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan³⁷ (“Pengisytiharan Rio”), satu program tindakan untuk mencapai pembangunan yang boleh dikekalkan³⁸ (“Agenda 21”) dan satu pernyataan prinsip mengenai perhutanan yang boleh dikekalkan³⁹ (“Pernyataan Prinsip mengenai Hutan”).

Pengisytiharan Rio mengiktiraf orang-orang asal sebagai rakan perkongsian sosial yang tersendiri dalam mencapai pembangunan yang boleh dikekalkan, dengan memberi penekanan kepada keunikan nilai budaya orang-orang asal.⁴⁰ Agenda 21 mengandungi satu bab mengenai pengiktirafan dan pengukuhan peranan orang-orang asal dan memperuntukkan secara spesifik penyertaan mereka dalam perkara yang menyentuh mereka terutamanya berkaitan dengan perlindungan terhadap tanah mereka.⁴¹ Bab-bab lain juga merujuk kepada perbezaan status perundangan dan hak orang-orang asal.⁴²

Pernyataan Prinsip mengenai Hutan mengiktiraf dan menyokong identiti, budaya dan hak orang-orang asal dan masyarakat mereka.⁴³ Walaupun perjanjian di Rio mengakui status istimewa orang-orang asal dalam perhubungan mereka dengan alam sekitar dan hak penyertaan dalam proses membuat keputusan, perjanjian itu tidak mewujudkan undang-undang antarabangsa tetapi sekurang-kurangnya telah mewujudkan norma undang-undang alam sekitar.⁴⁴

Konvensyen Kepelbagaian Biologi⁴⁵ memerlukan negara anggota untuk menghormati, memelihara, menyelenggarakan dan menggalakkan masyarakat orang-orang asal mengamalkan cara hidup tradisional untuk memelihara dan menggunakan kepelbagaian biologi dengan cara yang boleh dikekalkan serta menyokong apa-apa usaha pemulihan yang diambil.⁴⁶ Sejak 1991, Bank Dunia telah mengiktiraf keperluan untuk melindungi dan menghormati hak orang-orang asal dengan menjadikan antara polisinya, penyertaan berpengetahuan oleh orang-orang asal dan orang-orang asal tidak boleh mengalami kesan buruk daripada projek pembangunan yang dibiayainya.⁴⁷

Hanya satu konvensyen serantau yang dibincangkan dalam penerbitan ini iaitu Cadangan Pengisytiharan Amerika mengenai Hak Orang-orang asal dalam tahun 1997⁴⁸ (“Cadangan Pengisytiharan OAS”) kerana ia hanyalah satu-satunya instrumen yang cuba memperkatakan tentang perlindungan hak Asasi Orang-orang asal secara menyeluruh berbanding dengan secara sedikit demi sedikit.

Cadangan Pengisytiharan OAS⁴⁹ mula digubal pada 1990an tetapi telah memintas WGIP apabila Suruhanjaya Inter-Amerika mengenai Hak Asasi telah meluluskannya dalam tempoh 5 tahun dari permulaan penggubalannya.⁵⁰ Walau bagaimanapun, ia nampaknya telah kehilangan semangat kerana ia belum diluluskan lagi oleh OAS pada masa penerbitan ini ditulis.

Dalam melindungi hak Asasi Orang-orang asal, Cadangan Pengisytiharan OAS memperuntukkan pertamanya, pemerintahan

“dalam” sendiri, penggubalan dan pemakaian undang-undang orang-orang asal berbanding dengan penentuan nasib sendiri yang sepenuhnya.⁵¹ Keduanya, sifat hak kolektif orang-orang asal diiktiraf.⁵² Ketiganya, hak untuk memberikan persetujuan berpengetahuan terpakai untuk hak kepada alam sekitar,⁵³ tanah dan sumber⁵⁴ dan pembangunan.⁵⁵ Keempatnya, hak untuk menentukan keutamaan mereka sendiri dalam pembangunan diambil kira.⁵⁶

Perlindungan terhadap integriti nampaknya dinyatakan secara umum untuk memperkatakan tentang isu-isu kebudayaan⁵⁷ dan kerohanian.⁵⁸ Namun begitu, tiada kenyataan yang jelas diberikan berkaitan dengan pembangunan yang boleh dikekalkan dan saksama. Walaupun Cadangan Pengisytiharan OAS ini menyebut tentang hak asasi dan kebebasan asasi, ia tidak mengesahkan layanan saksama bagi orang-orang asal ini.

Walau bagaimanapun, Cadangan Pengisytiharan OAS dengan jelas mengiktiraf orang-orang asal sebagai subjek undang-undang antarabangsa dan berhak untuk mendapat perlindungan yang disediakan di dalam instrumen hak asasi dan orang-orang asal antarabangsa yang terpakai.⁵⁹

Tidak seperti dokumen antarabangsa yang lain, Cadangan Pengisytiharan OAS memperjelaskan mereka yang terjatuh di bawah skop pemakaiannya.⁶⁰

Adakah Pengiktirafan Semata-mata Memadai?



Tidaklah dapat dinafikan bahawa perkembangan kesedaran dan pengiktirafan terhadap hak orang-orang asal dalam tempoh 25 tahun yang lalu adalah pesat berbanding dengan tempoh lain sejak campur tangan Eropah dalam kurun ke 15.

Usaha yang dilakukan oleh orang-orang asal dan pelbagai organisasi badan bukan kerajaan di peringkat antarabangsa dan negara telah meletakkan hak orang-orang asal di peta undang-undang antarabangsa berdasarkan alasan-alasan yang telah dibincangkan di atas.

Selain daripada menimbang dan mengambil langkah-langkah untuk memperkatakan hak orang-orang asal ini, organisasi antarabangsa sama ada dengan naungan PBB atau tidak, telah juga menyokong pelbagai projek pendidikan dan kebudayaan berkaitan dengan orang-orang asal¹ dan menghususkan sebahagian daripada sesi perbincangannya kepada kesihatan orang-orang asal ini.² Persidangan antarabangsa peringkat tinggi turut mengemukakan cadangan mengenai orang-orang asal ini.³

Baru-baru ini, sebuah tribunal antarabangsa yakni Mahkamah Hak Asasi Inter-Amerika telah mengiktiraf hak wilayah orang-orang asal.⁴

Meskipun kesemua perkembangan yang positif ini, terdapat beberapa fakta yang tidak boleh dinafikan berkaitan dengan orang-orang asal ini dalam undang-undang antarabangsa. Pertamanya, hanya Konvensyen 169 menjadi triti yang berkuat kuasa dan memperkatakan tentang hak Asasi Orang-orang asal secara menyeluruh, biarpun ia turut mempunyai kelemahan tersendiri.⁵ Selanjutnya, Konvensyen 169 hanya ditandatangani oleh 17 negara sahaja.⁶

Keduanya, tidak terdapat sepersetujuan sebenar mengenai definisi penentuan nasib sendiri untuk orang-orang asal di dalam undang-undang antarabangsa. Pengisytiharan itu nampaknya memperjelaskan kedudukan dengan menyatakan bahawa penentuan nasib sendiri bagi orang-orang asal hanyalah kebebasan untuk mereka menentukan status politik mereka⁷ dan hak autonomi dalam perkara yang berkaitan dengan hal-ehwal dalaman mereka⁸ tetapi Pengisytiharan ini belum lagi dikuatkuasakan dan belum diberikan tafsiran kehakiman. Dengan adanya pelbagai model autonomi untuk pentadbiran sendiri atau penentuan nasib sendiri dan amalan yang berbeza di negara-negara,⁹ pertelingkahan di masa hadapan pasti berlaku.

Ketiganya, masih tiada persetujuan sebenar mengenai siapakah yang terjumlah kepada orang-orang asal¹⁰ dan pendekatan ke arah isu ini. Pada umumnya, soalan siapakah orang-orang asal lazimnya dijawab melalui pengenalan diri dan kemampuan untuk memenuhi ciri-ciri yang spesifik¹¹ tetapi tiada mekanisme untuk menyelesaikan pertelingkahan.

Pengisytiharan itu dan Cadangan Pengisytiharan Amerika tidak mengikat walaupun selepas ia diterima pakai oleh Perhimpunan Agungnya masing-masing. Walau bagaimanapun, kedua-duanya akan mewujudkan norma antarabangsa dan meletakkan tekanan politik antarabangsa ke atas negara-negara untuk memaksa mereka sekurang-kurangnya membuat percubaan

yang jujur untuk mematuhi. Proses untuk bersetuju mengenai satu perjanjian yang mengikat di peringkat antarabangsa tentunya perlahan setelah mengambil kira pelbagai peringkat yang mana isu orang-orang asal ini diperbahaskan oleh negara-negara.¹²

Dengan mengambil undang-undang antarabangsa hak asasi sebagai contoh, ICCPR dan ICESCR yang hanya ditandatangani 18 tahun selepas UDHR. Sungguhpun kelewatan itu tidak dapat dielakkan, kedua-dua pengisytiharan itu menyediakan permulaan yang baik ke arah perlindungan sebenarnya terhadap hak Asasi Orang-orang asal. Buat masa ini, bantuan bagi orang-orang asal terhad kepada pelbagai instrumen hak asasi antarabangsa yang tidak merangkumi hak kolektif mereka yang spesifik. Justeru itu, bolehlah dikatakan bahawa pengiktirafan yang jelas mengenai hak orang-orang asal di dalam undang-undang antarabangsa sejak 25 tahun yang lalu hanyalah merupakan langkah pertama ke arah perlindungan yang memadai bagi orang-orang asal.



Sungguhpun perkembangan yang besar telah dicapai, terdapat beberapa cabaran utama kepada undang-undang antarabangsa yang mesti diatasi bagi membolehkan perlindungan yang berkesan diberikan kepada hak orang-orang asal. Penyertaan negara dan kesediaan menerima hak orang-orang asal belum lagi memuaskan terutamanya kerana adanya pertelingkahan dalam objektif politik dan ekonomi serta kebimbangan akan kehilangan kedaulatan khasnya apabila menyentuh hak penentuan nasib sendiri.

Akibatnya, lebih banyak usaha perlu dibuat di pihak orang-orang asal, dengan kerjasama masyarakat antarabangsa sebelum kerajaan sesebuah negara mengiktiraf sepenuhnya dan menghormati status dan hak orang-orang asal di peringkat domestik serta melaksanakan norma-norma baru yang dilihat berkembang untuk menjadi sebahagian daripada undang-undang antarabangsa.¹ Kekurangan sumber turut membantut representasi yang berkesan dan pembaikan kerja di peringkat antarabangsa.²

Cabaran–cabaran ini dan cabaran lain telah dinyatakan dalam objektif Dekad Antarabangsa mengenai Orang-orang asal Dunia dalam tempoh dekad keduanya,³ yang mana pencapaiannya adalah amat penting. Hanya masa dan usaha yang berterusan oleh kedua-dua orang-orang asal dan masyarakat antarabangsa akan menentukan sama ada cabaran ini boleh diatasi atau tidak.

Sebagai kesimpulan, undang-undang antarabangsa telah memainkan peranan sebagai pemusnah dan pendorong dalam kewujudan orang-orang asal ini dengan menjadi instrumen untuk membantu jika tidak memudahkan penjajahan dan penindasan orang-orang asal ini dalam abad ke 19 dan awal 20 hingga menjadi arena di mana orang-orang asal berkumpul untuk memperjuangkan pengiktirafan hak mereka hari ini.

Peranan undang-undang antarabangsa dalam perkembangan bagi melindungi orang-orang asal tidak selalunya perlahan dan penuh dengan halangan. Lebih buruk lagi, akhir abad ke 19 memperlihatkan satu masa dalam sejarah di mana konsep undang-undang antarabangsa seperti kedaulatan dan persetujuan mengesahkan penganiayaan orang-orang asal di peringkat domestik serta paksaan untuk mengasimilasikan diri ke dalam masyarakat yang dominan mengakibatkan mereka hampir pupus.

Namun begitu, keadaan hal-ehwal semasa undang-undang antarabangsa telah menunjukkan kemajuan yang besar dalam melindungi hak Asasi Orang-orang asal. Walaupun ini mungkin menggalakkan, langkah ke hadapan di peringkat ini amatlah perlahan dan jauh daripada memuaskan seperti mana yang ditunjukkan oleh kegagalan Pengisytiharan itu baru-baru ini.

Masih banyak yang perlu dilakukan untuk menjadikan undang-undang antarabangsa instrumen yang benar-benar berkesan untuk memastikan kewujudan orang-orang asal ini. Sinar harapan dalam suasana yang suram ini masih jelas. Buat pertama kalinya dalam sejarah penguasaan orang-orang asal ini, undang-undang antarabangsa menuju ke arah yang betul.

1. Martin, E, *A Dictionary of Law*, 5th ed., (Oxford: Oxford University Press, 2002), di 260. Organisasi antarabangsa yang tertentu (seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu), syarikat dan individu (misalnya dalam arena hak asasi) mungkin mempunyai hak atau tanggungjawab di peringkat undang-undang antarabangsa (*Ibid*). Pada umumnya, kedaulatan sesebuah negara merupakan perkara penting sebagai “subjek” undang-undang antarabangsa.
2. Pritchard, S (ed.), *Indigenous Peoples, the United Nations and Human Rights*, (Anandale, Australia: Zed Books, 1998), di 7-8.
3. *Id* di 8-10.
4. Corntassel, J and Primeau, T, “Indigenous “Sovereignty” and International Law: Revised Strategies for Pursuing “Self-Determination””, (1995) 17 *Human Rights Quarterly* 343-365, di 346.
5. Untuk bacaan lanjutan lihat misalnya, Corntassel and Primeau, *Id* di 345-348 and Kingsbury, B, ““Indigenous Peoples” in International Law: A Constructivist Approach to the Asian Controversy”, 92 *American Journal of International Law* 414-457.
6. Working Group on Indigenous Peoples, “Working Paper by the Chairperson-Rapporteur, Mrs Erica-Irene A. Daes on the Concept of “indigenous people””, UN ESCOR, 14th sess, UN Doc E/CN.4/sub 2/AC.4/1996/2 (1996), di 5.
7. Wiessner, *op.cit.*, 114.
8. Sambo, *op. cit.*, 21-32.
9. Bertahun-tahun telah berlaku pertelingkahan di peringkat antarabangsa mengenai hak penentuan nasib sendiri bagi orang-orang asal akibat daripada prinsip persaingan undang-undang antarabangsa yang memerlukan integriti wilayah dihormati.
10. Anaya, J, *Indigenous Peoples in International Law*, (Oxford: Oxford University Press, 2004), di 16.

11. *Ibid.*
12. *Ibid.*
13. *Ibid.*
14. *Ibid.*
15. *Id* di 18.
16. *Ibid.*
17. *Ibid.*
18. Anaya, J, *op.cit.*, 19.
19. Tetapi undang-undang ini mendapat banyak tentangan daripada penjajah Sepanyol di Amerika. Bacaan lanjut mengenai subjek ini boleh dilihat dalam Hanke, L, *The Spanish Struggle for Justice in the Conquest of America*, (Philadelphia: University of Pennsylvania Press, 1949).
20. Misalnya, triti-triti awal ditandatangani dengan penduduk asal Amerika (lihat Cohen, F, *Handbook of Federal Indian Law* (Washington: United States Government Printing Office, 1945) disemak pada 5 Oktober 2006 <<http://thorpe.ou.edu/cohen.html>> di 46).
21. Anaya, J, *loc.cit.*
22. Anaya, J. *op.cit.*, 22.
23. *Ibid.*
24. *Ibid.*
25. Anaya, *op.cit.*, 23.
26. 21 U.S (8 Wheat.) 543 (1823).
27. 30 U.S. (5 Pet.) 1 (1831).
28. 31 U.S. (6 Pet.) 515 (1832).
29. Anaya, J, *op.cit.*, 25.
30. Manus, P, "Sovereignty, Self-Determination and Environment-Based Cultures: The Emerging Voice of Indigenous Peoples in International Law", (2005) 23 *Wisconsin International Law Journal* 553-642, di 561.
31. Anaya, *op.cit.*, 26.
32. Mc Rae, H *et al.*, *Indigenous Legal Issues: Commentary and Materials*, 3rd ed., (Sydney: Lawbook Co, 2003).
33. Dibincangkan *supra* di 4.
34. Anaya, *loc.cit.*
35. *Ibid.*
36. Untuk bacaan lanjut, sila rujuk kepada Roxburgh, R, ed.,

- Oppenheim's International Law: A Treatise* (London: Longmans, Green & Co., 1920-1921), Reprinted 2006 by The Lawbook Exchange, Ltd.
37. *Ibid.*
 38. Nichols, R, "Realising the Social Contract: The Case of Colonialism and Indigenous Peoples", (2005), 4 *Contemporary Political Theory* 42-62.
 39. *Id* di 42.
 40. *Id* di 43.
 41. *Supra* di 9-10.
 42. Nichols, *loc.cit.* Triti yang dibuat di antara negara dan orang-orang asal semasa penjajahan kerap tidak dipatuhi dan diketepikan sebagai tidak mempunyai kepentingan undang-undang atau politik. Untuk misalan triti yang melibatkan Amerika Syarikat, Kanada dan New Zealand, lihat Wiessner, *op.cit.*, 60-71.
 43. *Id* di 43-44.
 44. Anaya, *op.cit.*, 31.
 45. *Ibid.*
 46. Anaya, *op.cit.*, 34.
 47. Di New Zealand, 1886 merupakan tahun di mana populasi orang Maori berada pada tahap yang paling rendah (lihat nota 2 *supra*). Populasi keseluruhan Orang Indian Amerika di Amerika Syarikat jatuh ke tahap terendah dalam tahun 1890 (Wiessner, *op.cit.*, 65).
 48. ESC Res 34, UN ESCOR, UN Doc E/1982/59 (1982).
 49. Swebston, L, "A New Step in International Law on Indigenous and Tribal peoples: ILO Convention No. 169 of 1989" (1990) 15 *Oklahoma City University Law Review* 677-714, di 679.
 50. *Id* di 680-682.
 51. *Convention Concerning the Protection and Integration of Indigenous and Other Tribal and Semi-Tribal Populations in Independent Countries*, diterima pakai pada 26 Jun 1957, ILO C 107, (berkuat kuasa pada 2 Jun 1959).
 52. Teks penuh mengenai Konvensyen 107 boleh didapati di <http://www.ilo.org/ilolex/cgi-lex/convde.p/?C107>, disemak pada 10 Oktober 2006.
 53. *International Labour Organisation Constitution*, per 22, disemak

pada 25 November 2006 <<http://www.ilo.org/ilolex/English/constq.htm>>.

54. Misalannya, lihat Swepston, *op.cit.*, 683.
55. Konvensyen 107, per 1(1)(a).
56. *Id* per 2(1).
57. Sambo, *op.cit.*, 19.
58. International Labour Organisation, *ILOLEX Database of International Standards*, disemak pada 25 October 2006 <<http://www.ilo.org/ilolex/english/convdisp1.htm>>.
59. *Supra* di 6.
60. Diterima pakai pada 26 Jun 1945, 892 UNTS 119 (berkuat kuasa pada 24 Okt. 1945).
61. Piagam PBB per 1(2) dan per 55.
62. Piagam PBB per 1 para 3, per. 13 para 1(b), per. 55 para c, per. 62 para 2 dan per. 76 para c.
63. UN GAOR 217A(III) (1948).
64. Manus, *op.cit.*, 573.
65. *Ibid.*
66. Diterima pakai pada 21 Dis. 1965, 660 UNTS 195 (berkuat kuasa pada 4 Jan. 1969).
67. Diterima pakai pada 16 Dis. 1966, 999 UNTS 171 (berkuat kuasa pada 23 Mac. 1976).
68. Diterima pakai pada 16 Dis. 1966, 993 UNTS 3 (berkuat kuasa pada 3 Jan. 1976).
69. ICEFRD per 2 para 1 dibaca bersama dengan per 1 para 1.
70. *Id* per 2 para 1(e).
71. *Id* per 5 para (d)(v).
72. UN CERD, *General Recommendation XXIII Concerning Indigenous Peoples*, 51st Session, 1236th meeting, UN DOC A/52/18 annex V (1997).
73. Misalnya hak yang berkaitan dengan hak untuk hidup, hak untuk tidak diperhamba, hak berkaitan dengan penangkapan, hukuman dan proses yang sewajarnya, naluri dan agama, kebebasan agama dan sebagainya.
74. Terdapat beberapa isu dan keputusan sama ada peruntukan ini sememangnya merangkumi orang-orang asal. Keputusan yang penting berkaitan dengannya akan dibincangkan di bawah tajuk yang berikutnya, *infra* di 21-22.

75. ICCPR per 1 para 1.
76. *Ibid.*
77. ICCPR per 26.
78. *Id* per 27.
79. *Id* per 17.
80. *Id* per 23.
81. *Id* per 18.
82. Diterima pakai pada 16 Dis. 1966, 999 UNTS 171 (berkuat kuasa pada 23 Mac 1976)
83. Lihat per 5 dan 6 Opsyen Protokol Pertama.
84. Satu proses di mana negara yang dijajah cuba dan mendapat kemerdekaan daripada penjajah dari 1940an hingga lewat 1970an.
85. Lihat Barsh, R, "Indigenous Peoples in the 1990s: From Object to Subject of International Law", (1994) 7 *Harvard Human Rights Journal* 33-86, di 35-39 dan Triggs, G, "Australia's Indigenous Peoples and International Law: Validity of the Native Title Act 1998 (Cth), 1999 23 *Melbourne University Law Review* 372-415, di 384.
86. Barsh, *op.cit.*, 39-40.
87. Misalannya, lihat Triggs, *loc.cit.*
88. Pritchard (ed.), *op.cit.*, 40.
89. *Ivan Kitok v Sweden*, United Nations Human Rights Committee, *Report of the Human Rights Committee*, Communication No.197/1985, UN Doc CCPR/C/33/D/197/1985 (1988).
90. *Ominayak v Canada*, United Nations Human Rights Committee, *Report of the Human Rights Committee*, Communication No. 167/1984, UN Doc A/45/40 vol. 2 (1990).
91. *Lansman v Finland*, United Nations Human Rights Committee, *Report of the Human Rights Committee*, Communication No. 511/1992, UN Doc CCPR/C/52/0/511/1992 (1993).
92. *Lovelace v Canada*, United Nations Human Rights Committee, *Report of the Human Rights Committee*, Communication No. 24/1977, UN Doc A/36/40 Annex 18 (1977).
93. Menggunakan pandangan yang luas mengenai "keluarga" dan mengambil kira tradisi kebudayaan yang silam, Jawatankuasa Hak Asasi memutuskan bahawa pembinaan sebuah hotel di atas tanah nenek moyang akan memusnahkan tanah perkuburan

- tradisional mereka dan mengganggu hak pemunyaan keluarga secara tradisi (lihat *Hopu v France* United Nations Human Rights Committee, *Report of the Human Rights Committee*, Communication No. 549/1993, UN Doc CCPR/C.60/D/549/1993/Rev. 1(1997).
94. United Nations Human Rights Committee, *General Comment No 23 on Article 27*, 50th session, UN DOC CCPR/C.21/Rev.1/Add. 5 (1994).
 95. ICESCR mengesahkan hak untuk “penentuan nasib sendiri” dalam perkara 1 tetapi tafsirannya tidak begitu membantu orang-orang asal (lihat *supra* di 20-21).
 96. ICESCR, per 6-15.
 97. Manus, *op.cit.*, 580.
 98. Swepston, *op.cit.*, 687-689.
 99. *Convention concerning Indigenous and Tribal peoples in Independent Countries*, di terima pakai 27 Jun 1989, ILO C 169, (berkuat kuasa pada 5 Sept. 1991).
 100. Lihat misalnya Konvensyen 169, per 7. Pendekatan ini dengan jelas berubah daripada perlindungan yang diberikan oleh Konvensyen 107 yang bersifat sementara sehingga akhirnya berlakunya integrasi.
 101. Perundingan yang dijalankan dalam pemakaian Konvensyen itu, hendaklah secara suci hati dan dalam bentuk yang bersesuaian dengan keadaan, dengan objektif untuk mencapai persetujuan kepada langkah-langkah yang dicadangkan (Konvensyen 169, per 6 para 2).
 102. *Id* per 16 para 2.
 103. *Id* per 7 para 1.
 104. *Id* per 5(b).
 105. *Id* per 23.
 106. *Id* per 2(a).
 107. Swepston, *op.cit.*, 713.
 108. ESC Res 1589(L), UN ESCOR UN Doc E/5032 (1971).
 109. Lihat *supra* pada nota 53.
 110. Untuk ini dan cara bekerja selanjutnya yang memperbaiki penyertaan orang-orang asal, lihat Pritchard (ed.), *op.cit.*, 42.
 111. GA Res 40/131, UN GAOR, 40th sess, 116th plen mtg, UN DOC A/RES/40/131 (1985).

112. UN Doc E/CN/4/Sub 2/1985/2, Ann 2 (1985).
113. UN Doc E/CN 4/Sub 2/1994/2/Add 1 (1994).
114. Badan ini menggantikan Suruhanjaya mengenai Hak Asasi di Geneva pada 15 Mac 2006 (GA Res 60/251, UN GAOR, 60th sess, 72nd plen mtg, UN DOC A/RES/60/251 (2006)).
115. Human Rights Council, *Report to the General Assembly on the first Session of the Human Rights Council*, UN Doc A/HRC/1/1.10 (2006), disemak pada 12 September 2006 <[http://www.iwgia.org/graphics/Synkron-Library/Documents/ Notice/ International Processes / H R % 2 0 C oun c il / HRCouncil1streport2006.pdf](http://www.iwgia.org/graphics/Synkron-Library/Documents/Notice/InternationalProcesses/HR%20Council/HRCouncil1streport2006.pdf)>.
116. International Working Group for World Indigenous Affairs, “Human Rights Council Adopts the UN Declaration on the Rights of Indigenous Peoples”, disemak pada 12 September 2006, <[http://www.iwgia.org/graphics/Synkron-Library/Documents/ Notice/ International/DDadopted.htm](http://www.iwgia.org/graphics/Synkron-Library/Documents/Notice/International/DDadopted.htm)>.
117. United Nations General Assembly Third Committee (Social, Humanitarian, and Cultural) Press Release, GA/SHC/3878, UN GA Third Comm. (SHC), 61st sess, 53rd mtg, UN DOC GA/SHC/378 (2006).
118. International Working Group for World Indigenous Affairs, “Declaration: UN General Assembly fails to bring hope to indigenous peoples”, November 2006, disemak pada 31 Januari 2007 <[http://www.iwgia.org/graphics/Synkron-Library/ Documents/Noticeboard/News/International/ IWGIAstatementDD.htm](http://www.iwgia.org/graphics/Synkron-Library/Documents/Noticeboard/News/International/IWGIAstatementDD.htm)>.
119. Per 1,7 dan 8.
120. Per 3 dan 4.
121. Per 10, 19, 29 dan 32.
122. Per 23 dan 32.
123. Lihat Mukadimah.
124. Per 7 dan per 8 para 2(a) yang menyatakan negara mempunyai obligasi untuk menyediakan mekanisme yang efektif untuk menghalang penafian hak-hak yang sedemikian.
125. Per 1 dan 2.
126. GA Res 45/164, UN GAOR, 45th sess, 69th plen mtg, UN DOC A/RES/45/164 (1993). Tekanan di peringkat Suruhanjaya mengenai Hak Asasi untuk mengeluarkan huruf “s” daripada

- “Orang(Peoples)” dari tajuk tersebut terutamanya oleh Kanada dan Brazil kerana bimbang ia akan menyiratkan hak untuk penentuan nasib sendiri perlu diambil perhatian.
127. Marantz, D, “Issues Affecting the Rights of Indigenous Peoples in International Fora”, *People or Peoples: Equality, Autonomy and Self-Determination: The Issues at Stake at the International Decade of the World’s Indigenous People* (Montreal: International Centre for Human Rights and Democratic Development, 2004), 9-77, di 31-32.
 128. GA Res 48/163, UN GAOR, 48th sess, 86th plen mtg, UN DOC A/RES/48/163 (1993).
 129. *Programme of activities for the International Decade of the World’s Indigenous Peoples*, GA Res 50/157, UN GAOR, 50th sess, Agenda Item 111, UN Doc A/RES/50/157 (1996).
 130. Ini termasuklah memberi nasihat dan membuat cadangan mengenai isu orang-orang asal kepada sistem PBB (see United Nations Permanent Forum on Indigenous Issues, *About Us*, disemak pada 16 Oktober 2006 <http://www.un.org/esa/socdev/unpfii/en/about_us.html>)
 131. *Second International Decade of the World’s Indigenous Peoples*, GA Res 59/174, UNGAOR, 59th sess, Agenda Item 102, UN DOC A/Res/59/174 (2005).
 132. Untuk menilai kejayaan dan kegagalan dekad ini, sila lihat International Working Group for World Indigenous Affairs, “The UN Decade: Expectations and Realities”, (2004), *Indigenous Affairs* 3/04, di 9-10.
 133. di Rio de Janeiro.
 134. *Rio Declaration on Environment and Development*, UN Conference on Environment and Development, Annex 1, UN Doc A/CONF.151/26/Rev.1(Vol.1) (1993).
 135. *Agenda 21*, UN Conference on Environment and Development, Annex 2, UN Doc A/CONF.151/26/Rev.1(Vol.1)(1993).
 136. *Non-Legally Binding Authoritative Statement of principles for a Global Consensus on the Management, Conservation and Sustainable Development of All types of Forests*, UN Conference on Environment and Development, Annex 3, UN Doc A/CONF.151/26/Rev.1(Vol.1) (1993).
 137. Prinsip 22.

138. Bab 26.
139. Misalnya, Bab 15 mengenai biodiversiti meminta kerajaan untuk bekerjasama dengan orang-orang asal dengan menghormati, merekod, melindungi dan mempromosi masyarakat orang asal yang mengamalkan kehidupan tradisional mereka untuk memelihara diversiti biologi. Isu-isu lain yang diiktiraf oleh Agenda 21 termasuklah nilai tradisional dalam penangkapan ikan (bab 17, perenggan 17.71), kepentingan untuk memasukkan pengetahuan tradisional ke dalam sistem pengurusan kebangsaan (bab 17, perenggan 17.75(b)) dan keperluan untuk mengambil kira hak orang-orang asal untuk terus berunding untuk perjanjian antarabangsa mengenai sumber marin di masa depan (bab 17, perenggan 17.83).
140. Prinsip 5(a).
141. Triggs, *op.cit.*, 391.
142. *Konvensyen mengenai Diversifikasi Biologi*, diterima pakai pada 5 Jun 1992, ATS No. 32, 31 ILM 818 (berkuat kuasa pada 29 Disember 1993).
143. Id per 8 dan 10.
144. World Bank, *World Bank Operational Manual Operational Policies OP4.10*, (2005) and World Bank, *World Bank Operational Manual Bank Procedures BP4.10* (2005), disemak pada 17 Oktober 2006 <<http://www.wbIn0018.worldbank.org/Institutional/Manual/Opmanual.nsf>> yang menggantikan World Bank Operational Directive 4.20, *Indigenous Peoples*, September 1991 berkuat kuasa dari 1 Julai 2005 berkaitan dengan projek yang disemak pada atau selepas 1 Julai 2005.
145. *Proposed American Declaration on the Rights of Indigenous Peoples*, Inter-American Commission for Human Rights, 1333rd sess, OAS Doc OEA/Ser/L/VII.95 (1997).
146. Organization of American States.
147. *Proposed American Declaration on the Rights of Indigenous Peoples*, *loc.cit.*
148. Id pada per XIV dan XV.
149. Lihat *id* per II.
150. Id per XIII para 7.
151. Id per XVIII para 6.
152. Id per XXI para 2.

153. *Id* per XXI para 1.
154. *Id* per VII.
155. *Id* per X para 4.
156. *Id* mukadimah 7.
157. *Id* per 1.
158. UNESCO dan World Health Organisation (“WHO”).
159. WHO dan Pan American Health Organization. Untuk nota 163 *supra* dan nota ini, sila lihat Centre for Human Rights, *Human Rights: The Rights of Indigenous People Fact Sheet No. 9, Rev. 1*, (Geneva: Centre for Human Rights, 1998), di 20.
160. Lihat misalnya International Conference on Populations and Development (Cairo, 1994), World Summit for Social Development (Copenhagen, 1995) dan World Conference on Women (*Human Rights: The Rights of Indigenous People Fact Sheet No. 9, Rev. 1, op.cit.*, 21.)
161. *The Mayagna (Sumo) Awas Tingni Community v. Nicaragua*, 2001 Inter-Am. Ct. H.R. (ser. C) No. 79 (Aug. 31, 2001).
162. *Supra* di 23-24. Konvensyen 107 masih terpakai kepada Negara yang tidak menandatangani Konvensyen 169 tetapi ianya jelas tidak mencukupi untuk melindungi keperluan orang-orang asal seperti yang diujahkan *supra* di 17.
163. International Labour Organisation, *ILOLEX Database of International Standards*, disemak pada 25 Oktober 2006 <<http://www.ilo.org/ilolex/english/convdisp1.htm>>.
164. per 3.
165. per 4.
166. McRae *et al.*, *op.cit.* 163.
167. Lihat Kingsbury, *loc.cit* dan Corntassel and Primeau, *loc.cit*.
168. Misalannya Konvensyen 169, per 1. Berkenaan dengan ciri-ciri, perkara 1 perenggan 1(b) memperkatakan tentang kependudukan “pada masa penaklukan atau penjajahan atau penubuhan sempadan negara kini” dan mengekalkan “mengekalkan setengah atau kesemua institusi sosial, ekonomi, kebudayaan dan politiknya sendiri”.
169. Marantz, *op.cit.*, 14-15.
170. Sambo, *op.cit.*, 46.
171. *Id* di 45.
172. *Supra* di 28.

Anaya, J (ed.), *International Law and Indigenous Peoples*, (Aldershot, United Kingdom; Burlington, United States: Ashgate Dartmouth, 2003).

Anaya, J, *Indigenous Peoples in International Law*, (Oxford: Oxford University Press, 2004).

Barsh, R, "Indigenous Peoples in the 1990s: From Object to Subject of International Law", (1994) 7 *Harvard Human Rights Journal* 33-86.

Centre for Human Rights, *Human Rights: The Rights of Indigenous People Fact Sheet No. 9, Rev. 1*, (Geneva: Centre for Human Rights, 1998).

Cohen, F, *Handbook of Federal Indian Law* (Washington: United States Government Printing Office, 1945), disemak pada 5 Oktober 2006 <<http://thorpe.ou.edu/cohen.html>>.

Corntassel, J and Primeau, T, "Indigenous "Sovereignty" and International Law: Revised Strategies for Pursuing "Self-Determination"", (1995) 17 *Human Rights Quarterly* 343-365.

Foreman, G, *Indian Removal: The Emigration of the Five Civilized Tribes of Indians*, (Oklahoma: University of Oklahoma Press, 1973).

Hanke, L, *The Spanish Struggle for Justice in the Conquest of America*, (Philadelphia: University of Pennsylvania Press, 1949).

Human Rights Council, *Report to the General Assembly on the First Session of the Human Rights Council*, UN Doc A/HRC/1/I.10 (2006), disemak pada 12 Oktober 2006, <[http://www.iwgia.org/graphics/Synkron-Library/Documents/ Notice/InternationalProcesses/HR%20Council/HRCouncil1streport2006.pdf](http://www.iwgia.org/graphics/Synkron-Library/Documents/Notice/InternationalProcesses/HR%20Council/HRCouncil1streport2006.pdf)>.

Kingsbury, B, ""Indigenous Peoples" in International Law: A Constructivist Approach to the Asian Controversy", 92 *American Journal of International Law* 414-457.

International Labour Organisation, *ILOLEX Database of International Labour Standards*, disemak sehingga 25 Oktober 2006 <<http://www.ilo.org/ilolex/english.htm>>.

International Working Group for World Indigenous Affairs, “The UN Decade: Expectations and Realities”, (2004), *Indigenous Affairs* 3/04.

International Working Group for World Indigenous Affairs, “Human Right Council Adopts the UN Declaration on the Rights of Indigenous Peoples”, disemak pada 12 September 2006 <[http://www.iwgia.org/graphics/Synkron-Library/Documents/ Notice/International/DDadopted.htm](http://www.iwgia.org/graphics/Synkron-Library/Documents/Notice/International/DDadopted.htm)>.

International Working Group for World Indigenous Affairs, “Declaration: UN General Assembly fails to bring hope to indigenous peoples”, November 2006, disemak pada 31 Januari 2007 <<http://www.iwgia.org/graphics/Synkron-Library/Documents/Noticeboard/News/International/IWGIAstatementDD.htm> >.

MacDonald, T, “New U.N. Human Rights Council Approves Declaration on the Rights of Indigenous Peoples”, *World Indigenous News*, disemak pada 16 Oktober 2006 <<http://www.cs.org/publications/win/win-article.cfm?id=2905>>.

Made in New Zealand: The Treaty of Waitangi, disemak pada 5 Oktober 2006 <<http://www.treatyofwaitangi.govt.nz/treaty/>>.

Manus, P, “Sovereignty, Self-Determination and Environment-Based Cultures: The Emerging Voice of Indigenous Peoples in International Law”, (2005) 23 *Wisconsin International Law Journal*, 553-642.

Marantz, D, “Issues Affecting the Rights of Indigenous Peoples in International Fora”, *People or Peoples: Equality, Autonomy and Self-Determination: The Issues at Stake at the International Decade of the World's Indigenous People* (Montreal: International Centre for Human Rights and Democratic Development, 2004), 9-77.

Martin, E, *A Dictionary of Law*, 5th ed., (Oxford: Oxford University Press, 2002).

McRae, H *et al.*, *Indigenous Legal Issues: Commentary and Materials*, 3rd ed., (Sydney: Lawbook Co, 2003).

Nichols, R, "Realising the Social Contract: The Case of Colonialism and Indigenous Peoples", (2005), 4 *Contemporary Political Theory* 42-62.

Office of the High Commissioner for Human Rights, United Nations Human Rights Documents, disemak sehingga 20 Oktober 2006 <<http://www.unhchr.ch/data.htm>>.

Pritchard, S (ed.), *Indigenous Peoples, the United Nations and Human Rights*, (Anandale, Australia: Zed Books, 1998).

Roxburgh, R, ed., *Oppenheim's International Law: A Treatise* (London: Longmans, Green & Co., 1920-1921), Reprinted 2006 by The Lawbook Exchange, Ltd.

Sambo, D, "Indigenous Peoples and International Standard-Setting Process: Are State Governments Listening?", (1993) 3 *Transnational Law and Contemporary Problems* 13-47.

Swepton, L, "A New Step in International Law on Indigenous and Tribal peoples: ILO Convention No. 169 of 1989" (1990) 15 *Oklahoma City University Law Review* 677-714.

The Official Documents of the United Nations, disemak sehingga 31 Januari 2007 <<http://documents.un.org>>.

Triggs, G, "Australia's Indigenous Peoples and International Law: Validity of the Native Title Act 1998 (Cth)", 1999 23 *Melbourne University Law Review* 372-415.

United Nations Documentations Centre, disemak sehingga 31 Januari 2007 <<http://www.un.org/documents>>.

United Nations Permanent Forum on Indigenous Issues, *About Us*, disemak pada 16 Oktober 2006 <http://www.un.org/esa/socdev/unpfii/en/about_us.html>.

Wiessner, S, "Rights and Status of International Peoples: A Global Comparative and International Legal Analysis" (1999) 12 *Harvard Human Rights Journal* 57-128.

Working Group on Indigenous Peoples, "Working Paper by the Chairperson-Rapporteur, Mrs Erica-Irene A. Daes on the Concept of "indigenous people"", UN ESCOR, 14th sess, UN Doc E/CN.4/sub 2/AC.4/1996/2 (1996).

World Bank, *World Bank Operational Manual Operational Policies OP4.10*, (2005), disemak pada 17 Oktober 2006 <<http://www.wbln0018.worldbank.org/Institutional/Manual/Opmanual.nsf>>.

World Bank, *World Bank Operational Manual Bank Procedures BP4.10* (2005), disemak pada 17 Oktober 2006 <<http://www.wbln0018.worldbank.org/Institutional/Manual/Opmanual.nsf>>.

HAK-HAK ANTARABANGSA ORANG-ORANG ASAL

Perkembangan, Kemajuan & Kemerosotan

Hak hak Antarabangsa Orang-orang Asal: Perkembangan, Kemajuan dan Kemerosotan dengan ringkas lagi padat menjejak serta menilai perkembangan hak hak antrabangsa orang orang asal sejak penjajahan Eropah pada kurun ke limabelas sehingga Majlis Hak Asasi meluluskan draf pengisytiharan Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu untuk Hak-hak Orang Asal pada tahun 2006.

Ditujukan kepada pembaca umum yang berminat serta pakar dalam bidang ini, buku kecil ini mengariskan skop hak hak orang orang asal antarabangsa yang perlu untuk kewujudan orang orang asal. Hak-hak yang perlu ini digunakan juga sebagai ukuran untuk menilai perkembangan hak hak antarabangsa orang orang asal lima kurun kebelakangan ini.

Kajian ini juga memperkatakan tempoh hitam perkembangan penjajahan dimana usur usur barat telah digunakan untuk melucutkan, mengeneipkan, mengasimilasikan dan menganiaya orang orang asal – bukannya melindungi cara hidup mereka. Ianya juga menilai penglibatan organisasi antarabangsa seperti Pertubuhan Buruh Antrabangsa dan juga Badan Dunia didalam melindungi hak hak orang asal.


Hak-hak Antarabangsa Orang orang Asal: Perkembangan, Kemajuan dan Kemerosotan menghujahkan bahawa sementara hak hak orang orang asal terus dinodai dan orang orang asal itu sendiri masih lagi berdepan dengan pelbagai cabaran, perkembangan undang undang antarabangsa agak memberangsangkan kerana ianya menuju ke arah yang betul.



Yogeswaran Subramaniam, LLB (Hons) (London), CLP, C DipAF (ACCA), MBA (Southern Queensland), LLM (Malaya), adalah bekas Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya (1991-1998) dan Penasihat Undang Undang Korporat untuk dua institusi kewangan (1999-2005). Beliau kini memberi syarahan di SEGi College, Subang Jaya, Malaysia dan berniat mengikuti ijazah kedoktoran dalam bidang hal-ehwal Orang-orang Asal.



CENTER FOR
ORANG ASLI CONCERNS



PARTNERS OF COMMUNITY
ORGANIZATIONS TRUST

ISBN 978-983-43248-3-4